



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

4 Mac 2016 / 24 Jamadilawal 1437H

Menghayati Kepentingan Sifat Keadilan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada hari yang mulia ini, saya ingin mulakan bicara saya dengan berkongsi sebuah kisah yang berlaku di zaman Nabi s.a.w. yang mengisahkan tentang suatu sifat yang perlu kita hayati.

Suatu ketika, seorang sahabat bernama Basyir r.a. telah menghadihkan satu pemberian kepada salah seorang diantara anak lelakinya bernama An-Nu'man r.a. Beliau kemudian bertemu Nabi s.a.w. untuk mendapatkan nasihat berkaitan pemberian tersebut, Nabi s.a.w. bertanya: *“Apakah semua anakmu diberi hadiah serupa?”* Basyir r.a. menjawab: *“Tidak Ya*

Rasulullah”. Lalu Nabi s.a.w. bersabda: *“Bertakwalah kamu kepada Allah dan berlaku adillah kepada anak-anakmu.”*
[Hadith riwayat Abu Dawud]

Saudaraku,

Mungkin ada yang ketika mendengarkan kisah tadi bertanggapan bahawa ia bukanlah satu isu yang besar, sekiranya seorang ayah memberi satu pemberian kepada seorang anaknya tanpa memberikan yang sama kepada anak yang lain. Ini kerana harta itu adalah harta milik si ayah, dan pemberiannya bakal dimanfaatkan anaknya sendiri. Akan tetapi saudaraku, nasihat dan peringatan Nabi s.a.w. ini memberi gambaran kepada kita akan kepentingan sifat adil. Adakalanya tanpa kita sedari, sikap ketidakadilan ibu bapa dalam layanan terhadap anak-anak boleh menimbulkan perasaan hasad dengki, kebencian dan bahkan kemarahan antara adik beradik.

Ia juga boleh menjejaskan hubungan baik antara orang tua dan anak-anak atau menyebabkan jiwa seorang anak itu merasa dipinggirkan atau tidak cukup baik. Ini akhirnya boleh menjejaskan rasa yakin diri anak itu dan menghambat perkembangan minda dan emosi beliau. Di sinilah hikmahnya Nabi s.a.w. menekankan prinsip keadilan lebih-lebih lagi di peringkat keluarga lagi. Oleh itu juga kita temui firman Allah yang dibacakan khatib setiap minggu dalam surah An-Nahl ayat 90:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah memerintahkan untuk berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.”

Saudaraku,

Keadilan menuntut kita untuk meletakkan sesuatu pada tempatnya dan memberikan setiap perkara haknya. Tanpa keadilan, kezaliman, penindasan dan segala sifat-sifat buruk lain akan muncul. Benarlah apa yang dikatakan Imam Al-Qurthubi bahawa keadilan adalah asas hubungan kemanusiaan dan dasar perundangan Islam. Bayangkan saudara, apakah perasaan kita jika majikan kita tidak adil, pasangan kita tidak adil, orang tua kita tidak adil ataupun pemimpin kita tidak adil? Semestinya kita tidak akan berpuas hati. Namun tanyakan kepada diri kita, sejauh manakah telah kita berlaku adil juga terhadap orang lain? Jika kita hanya mengharap orang melakukan kebaikan kepada kita sedangkan kita sendiri tidak

berlaku baik kepada orang lain, itu juga satu kezaliman dan ketidakadilan.

Ingatlah saudara, begitu sekali tinggi nilai keadilan ini sehinggakan Allah s.w.t. berfirman dalam sebuah hadith qudsi yang bermaksud: *“Wahai para hambaKu, sesungguhnya telah Aku telah mengharamkan atas diri-Ku untuk berlaku zalim dan Aku jadikan ia diharamkan di antara kamu; maka janganlah kamu saling berlaku zalim.”* [Hadith riwayat Imam Muslim]

Keadilan menuntut kita untuk melakukan apa yang patut dan tidak semestinya apa yang diinginkan. Keadilan menuntut kita mempunyai keberanian, semangat yang waja untuk meletakkan kebenaran pada tempatnya. Mungkin kita katakan adakalanya kita mungkin rugi jika berlaku adil. Namun saudara, yakinlah bahawa kerugian yang nampak zahirnya inilah yang akan memastikan kita dapat tidur lena dan merasa kedamaian yang abadi. Keadilan akan memperkukuh lagi ketakwaan di dalam hati kita dan ketakwaan akan menimbulkan kedamaian dan kebahagiaan sebenar. Allah berfirman:

أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Yang bermaksud: *“Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya*

Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.” [Surah Al-Maidah: ayat 8]

Mungkin ada yang berkata, *“Diriku tidak pernah berlaku zalim”* lalu dia bertanggung kurang pentingnya isu ini. Saudaraku, ketahuilah bahawa berlaku adil dan menjauhi kezaliman bukan sahaja pada perbuatan semata-mata. Apabila Islam memerintahkan setiap individu mukmin untuk berlaku adil, ia bermaksud, berlaku adil pada segenap aspek kehidupan, seperti keadilan dalam perbuatan, pada percakapan, pada perhubungan dan sebagainya. Keadilan juga bukan hanya terhad kepada sesama manusia tetapi juga terhadap seluruh ciptaan Allah s.w.t. Dan inilah yang bakal dikupas oleh mimbar Jumaat sepanjang bulan ini.

Marilah kita berusaha untuk menjadi anggota masyarakat yang berhemah tinggi dan yang berahlak mulia dan bersifat adil. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita sekeluarga rahmat dan pengampunanNya. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.